

944/2

Sekolah Menengah Kebangsaan Tinggi Bukit Mertajam
Latihan Semasa Cuti Ogos 2009
Tingkatan : Pra U Atas

Ekonomi
Kertas 2 Makroekonom

Bahagian C

Arahan : *Jawab dua soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab bahagian ini.*

9. Huraikan maksud pertumbuhan ekonomi dan kadar pertumbuhan ekonomi. Bincangkan faktor-faktor untuk menggalakkan pertumbuhan ekonomi. [10 markah]
10. Dengan menggunakan gambar rajah perbelanjaan agregat-penawaran agregat (AE – AS), terangkan bagaimana penambahan perbelanjaan kerajaan dan cukai yang sama jumlahnya Secara serentak, mempengaruhi tingkat keseimbangan pendapatan negara. [6 markah]
11. Dengan bantuan gambar rajah, terangkan kesan tarif keatas
(a) harga barang
(b) penawaran tempatan
© import
(d) hasil kerjaan [10 markah]
12. (a) Bincangkan syarat syarat untuk menjalankan devaluasi supaya menguntungkan negara. [5 markah]
- (b) Apakah kesannya devaluasi? [5 markah]

Bahagian D

Arahan : Jawab *dua* soalan sahaja. Anda dinasihati supaya memperuntukkan masa 35 minit bagi menjawab bahagian ini.

13. Dalam suatu ekonomi tiga sektor:

$$\text{Fungsi penggunaan} \quad C = 400 + 0.6Y_d$$

$$\text{Fungsi cukai berkadar} \quad T = 0.2Y$$

$$\text{Fungsi pelaburan} \quad I = 250$$

$$\text{Fungsi perbelanjaan kerajaan } G = 350$$

- (a) Tentukan fungsi penggunaan dan fungsi tabungan dalam sebutan Y . [3 markah]
- (b) Hitung keseimbangan ekonomi di atas. [2 markah]
- (c) Andaikan ekonomi mencapai tingkat guna tenaga penuh pada pendapatan negara RM4 000. Berapakah jurang KNK dan jurang inflasi/jurang deflasi? [4 markah]
- (d) Berapakah nilai penggunaan semasa keseimbangan pendapatan negara? [1 markah]

14. Jadual di bawah menunjukkan jumlah hasil dan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan Malaysia (RM juta) bagi tahun 2000 hingga 2002.

Tahun	2000	2001	2002
Hasil	61,864	79,567	83,515
Perbelanjaan mengurus	56,547	63,757	68,669
Perbelanjaan pembangunan	25,032	34,232	35,069

(Sumber : Laporan Ekonomi)

- (a) Apakah yang dimaksudkan dengan
- Perbelanjaan mengurus?
 - Perbelanjaan pembangunan?
 - Belanjawan negara?
- [3 markah]
- (b) Nyatakan maksud hasil cukai langsung, hasil cukai tak langsung dan hasil bukan cukai. [2 markah]
- (c) Hitung belanjawan keseluruhan bagi setiap tahun. [2 markah]
- (d) Jelaskan kesan jangka panjang belanjawan tersebut ? [3 markah]

15. Jadual di bawah menunjukkan bekalan wang M1, Keluaran Dalam Negera Kasar (KDNK) pada harga tetap dan indeks Harga Pengguna di Malaysia dari tahun 2000 hingga tahun 2002.

Tahun	Bekalan wang M1 (RM juta)	KDNK benar (RM juta)	Indeks Harga Pengguna
2000	78216.4	209538	133.7
2001	80728.2	210480	137.8
2002	89071.5	219342	140.3

Berdasarkan jadual tersebut, jawab soalan-soalan yang berikut.

- (a) Nyatakan komponen bekalan wang M1. [2 markah]
- (b) Hitung
- (i) kadar inflasi pada tahun 2001 dan 2002 [2 markah]
- (ii) kadar pertumbuhan bekalan wang M1 pada tahun 2001 dan 2002,. [2 markah]
- (c) Adakah data yang diberikan bersesuaian dengan Teori Kuantiti Wang? Terangkan. [3 markah]
- (d) Hitung Keluaran Negara Nominal pada tahun 2002. [1 markah]

- 16 (a) Berikan definisi Sistem Kadar Pertukaran Boleh Ubah.

[1 markah]

- (b) Jadual di bawah menunjukkan data kadar pertukaran asing Malaysia terhadap 100 unit Dólar Singapura (S\$) dan seunit Pound Sterling (£), eksport dan import Malaysia dengan United Kingdom (UK) pada tahun 1999 hingga tahun 2002.

Tahun	100 unit Dólar Singapura (S\$)	1 unit Pound Sterling (£)	Eksport Malaysia ke UK (RM bilion)	Import Malaysia dari UK (RM bilion)
1999	228.09	6.14	12.061	5.626
2000	219.46	5.67	11.566	6.080
2001	216.86	5.52	8.779	6.872
2002	212.45	5.48	8.244	6.128

- (i) Hitung nilai RM1 dalam nilai Pound Sterling (£) pada tahun 1999 hingga tahun 2002.

[3 markah]

- (ii) Adakah Ringgit Malaysia (RM) mengalami susut nilai atau naik nilai berbanding dengan Pound Sterling (£) Mengapa?

[2 markah]

- (iii) Adakah hubungan antara kadar pertukaran Ringgit Malaysia (RM) dengan Pound Sterling (£) selaras dengan teori ekonomi tentang aliran eksport dan import? Terangkan.

[2 markah]

- (iv) Hitung nilai 1 unit Pound Sterling (£) dalam sebutan Dólar Singapura (S\$) pada tahun 2002.

[2 markah]

Disediakan oleh Puan Ong Cheng Yen